

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Melayu
Date	21/08/2017

Pas desak tubuh RCI kes Memali

KUALA LUMPUR 20 Ogos - Pas memohon kerajaan mempertimbangkan cadangan mewujudkan segera Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Tragedi Kampung Memali 1985 bertujuan memberi keadilan kepada mangsa dan keluarga terlibat.

Timbalan Presidennya, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, beliau berharap kerajaan dapat mewujudkan RCI berikutan isu tersebut sudah lama, iaitu kira-kira 32 tahun selain tujuannya bukan semata-mata menyerang atau menyalahkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Menurutnya, RCI yang bakal ditubuhkan itu boleh dianggotai bekas ketua-ketua hakim, pegawai-pegawai kerajaan, agensi-agensi dan mana-mana wakil yang layak dan tiada penglibatan dalam isu tersebut.

"Saranan itu telah diputuskan dalam satu mesyuarat Pas Pusat

dan kebetulan berlaku suatu tragedi dalam Forum *Nothing To Hide 2.0*. Kita memang mencadangkan supaya dibuka semula kertas siasatan kes tragedi Memali dan mengesyorkan satu suruhanjaya bebas diwujudkan bagi menyiasat kes ini.

"Harapan kita supaya disegerakan sahaja penubuhannya. Bagi kita, setiap yang terlibat mesti minta maaf, mengakui kesilapan dan berbalik kepada prinsip syarak, diadili dan diberi balasan hukum yang setimpal. Kalau mengikut hukum syarak, dibayar diyat atau minta maaf tetapi di peringkat ini, perlu mengakui kesilapan sendiri," katanya dalam rakaman yang dimuat naik menerusi YouTube kelmarin.

Tambah Tuan Ibrahim, beliau



TUAN IBRAHIM TUN MAN

pernah menyebut perkara ini kepada anak Dr. Mahathir, Datuk Seri Mukhriz iaitu sekiranya bekas Perdana Menteri itu benar-benar tidak terlibat dalam isu berkenaan, dalam mana-mana taklimat perlu berjumpa penduduk Memali dan minta maaf.

"Ini siapa-siapa yang terlibat masing-masing buat tuduhan. Kata bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam. Musa kata dia. Jadi, suruhanjaya siasatan diraja perlu segera diwujudkan.

"Kita hendakkan prinsip keadilan, bukannya nak tohmah mana-mana individu. Itu pendekatan politik matang yang kita bawa dalam Pas," katanya.

UM - 21/8/2017 Pg. 11